

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 21 Februari 2017 14:59
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Penjawat UUM Harus Pegang Prinsip Integriti Elak Jejas Nama Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



21 FEBRUARI 2017 / 24 JAMADILAWAL 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PENJAWAT UUM HARUS PEGANG PRINSIP INTEGRITI ELAK JEJAS NAMA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Penjawat Universiti Utara Malaysia (UUM) ditegaskan untuk menjaga integriti dan akauntabiliti bagi mengelak persepsi buruk dan nama universiti terjejas.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, semua penjawat awam di universiti ini harus berpegang pada prinsip integriti yang telah ditetapkan dalam perkhidmatan awam dengan tidak terlibat dalam perkara yang melibatkan isu integriti.

Menurutnya, isu integriti adalah sangat penting bagi setiap organisasi sama ada awam atau swasta, justeru beliau mahu semua pegawai di UUM dapat memahami tentang integriti dan akauntabiliti.

"Di universiti ini sendiri sudah ditubuhkan Unit Integriti dan kita mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi unit tersebut dengan bekerjasama Unit Audit Dalaman bagi memastikan semua pegawai bebas dari isu integriti demi menjaga nama baik UUM.

"Selain unit itu, UUM juga telah menubuhkan Institut Kajian Rasuah Asia (ARIC) yang akan mengkaji tentang isu rasuah di benua Asia, khususnya di Asia Tenggara kerana kita percaya masih banyak lagi isu berkaitan rasuah ini yang belum dikaji sepenuhnya," katanya pada Majlis Perasmian Kursus Penjawat Utama: Modul Integriti dan Akauntabiliti di EDC Hotels & Resorts, pagi tadi.

Tambah beliau lagi, UUM perlu ada pangkalan data yang cukup bukan sahaja untuk kegunaan akademik atau ilmiah tetapi juga menjadi rujukan kepada kerajaan atau agensi dalam usaha membantu melaksanakan dasar berkaitan rasuah dan integriti.

Menurutnya, selain membuat kajian kes dalam negara, ahli akademik juga boleh belajar tentang kes-kes yang berlaku di negara luar seperti negara Latin atau Afrika, berbanding negara maju yang kurang terlibat dengan masalah integriti itu.

"ARIC juga boleh memainkan peranan penting dengan menjadi '*back office*' kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), malah boleh menggunakan bahan kes sebagai sumber pengajaran di dalam kelas.

"Kita tidak boleh mengambil mudah isu ini dan ARIC sepatutnya sudah mula bergerak dengan membuat kajian tentang banyak isu dengan bekerjasama dengan SPRM, malah bantu agensi ini membuat kajian, mengumpul bahan untuk dijadikan kajian kes," ujarinya.

Naib Canselor berkata, UUM juga antara universiti terawal yang memperkenalkan kursus Etika Pengurusan kepada pelajar yang mana ia bukan sahaja akan melahirkan seorang pengurus yang pandai pada masa hadapan, malah memiliki nilai etika yang tinggi.

Ujarnya, beliau berharap peserta kursus yang terdiri penjawat utama universiti dapat berpegang teguh pada Ikrar Integriti dan Ikrar Perkhidmatan Awam bagi mengelak terjebak dalam isu yang boleh menjejaskan reputasi diri dan organisasi.

Seramai 70 penjawat utama terdiri Penolong Naib Canselor, Dekan, Pengarah Pusat Tanggungjawab dan Pengetua Inapan Siswa (Inasis) menghadiri kursus anjuran Jabatan Pendaftar yang dikendalikan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil.

Hadir sama Pendaftar, Dato' Mohamad Akhir Yusuf; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Hassan Ali dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Noor Azizi Ismail serta pegawai kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.